

Permohonan Najib guna khidmat QC ditolak

UM - 22/7/2022
mls: 8

Oleh **SUWARNI MOKHTAR**
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Hasrat bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak untuk mendapatkan khidmat Queens Counsel (QC), Jonathan Laidlaw dalam rayuan akhirnya di Mahkamah Persekutuan, Ogos ini ditolak oleh Mahkamah Tinggi di sini semalam.

Hakim Datuk Ahmad Kamal Md. Shahid ketika membaca penghakiman ringkasnya, Laidlaw selaku pemohon gagal menunjukkan bahawa beliau mempunyai pengalaman dalam mengendalikan rayuan atau kes-kes sama seperti yang dihadapi oleh Ahli Parlimen Pekan itu.

“Adalah tidak dinafikan bahawa pemohon merupakan antara QC terbaik dalam bidang jenayah kewangan. Tetapi, bagi saya, perkara itu tidak mencukupi untuk menyatakan bahawa pemohon mempunyai kemahiran khas, kepakaran,

kelayakan dan pengetahuan berhubung Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM).

“Saya mendapati tiada sebarang bukti yang menunjukkan bahawa pemohon mempunyai pengetahuan mahupun pengalaman dalam undang-undang negara ini berbanding peguam cara dan peguam bela tempatan. Pemohon juga tidak mempunyai sebarang pengalaman dalam memberikan nasihat perundangan atau khidmat perundangan pakar di dalam negara ini.

“Hanya kerana fakta menunjukkan bahawa pemohon pernah mengendalikan beberapa kes jenayah perniagaan dan kewangan, pembelaan jenayah, inkues dan inkuiri awam, kawal selia jenayah dan beberapa bidang lagi di United Kingdom dan beberapa tempat lain selain Malaysia, maka tidak boleh dikatakan bahawa tiada peguam di negara ini yang mempunyai kemahiran dan kejayaan dalam mengendalikan pertuduhan-

pertuduhan di bahawa Akta ASPRM,” kata hakim itu ketika menyampaikan penghakimannya secara dalam talian.

Hakim Ahmad Kamal turut menyatakan, Laidlaw juga gagal menunjukkan beliau mempunyai kelayakan khas atau pengalaman dalam mengendalikan rayuan atau kes-kes sepertimana yang dihadapi oleh Najib.

Pada 1 Jun lalu, Laidlaw melalui notis usul yang difailkan oleh firma guaman, Tetuan Shafee & Co. memfailkan permohonan di Mahkamah Tinggi di sini agar beliau diterima masuk sebagai peguam bela Najib dalam rayuan akhir bekas Presiden UMNO itu membabitkan penyelewengan dana RM42 juta milik SRC International Sdn. Bhd.

Pada 29 April lalu, Mahkamah Persekutuan menetapkan 10 hari pada bulan Ogos iaitu pada 15 hingga 25 Ogos ini untuk mendengar rayuan Najib terhadap sabitan dan hukuman penjara bagi kesalahan penyelewengan dana syarikat itu.

Merujuk kepada permohonan oleh Laidlaw, Hakim Ahmad Kamal berkata, ia menimbulkan syak wasangka dan kekhuatiran bahawa bagaimana pemohon yang tidak arif dengan perundangan negara ini boleh memberi manfaat kepada fraterniti peguam tempatan.

“Melihat kepada perkembangan kes-kes tempatan dan pindaan-pindaan yang dibuat kepada Kanun Tatacara Jenayah, ASPRM dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001, saya berpendapat, peguam tempatan mampu mengendalikan kes-kes membabitkan pertuduhan di semua peringkat mahkamah.

“Ini tidak memberi sebarang justifikasi bahawa seorang QC perlu diterima masuk secara adhoc sebagai peguam bela utama bagi rayuan (najib) di Mahkamah Persekutuan,” kata Hakim Ahmad Kamal.